

05 AUG 2003

Munshi-Menteri

MUNSHI TIADA BUKTI DAN DAKWA MEDIA SALAHTAFSIR KENYATAAN

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Ketua Turus Umum Pasukan Tindakan Cemas Malaysia (PTCM), Munshi Muslim Yacob hari ini berkata beliau tidak mempunyai bukti atau dokumen untuk mengaitkan penglibatan menteri kabinet dalam Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM).

Munshi, yang menghubungi Bernama petang ini, turut mendakwa beliau tidak pernah membuat kenyataan yang membabitkan mana-mana menteri dengan PKPM dan menegaskan kenyataan-kenyataannya sebelum ini telah disalahtafsir oleh media.

Munshi mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa menteri yang mahukan beliau membuktikan dakwaannya itu.

Pertubuhan haram PKPM dilumpuhkan selepas polis menangkap ketuanya Nor Azami Ahmad Ghazali dan lebih 2,000 anggota.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dr Rais Yatim sebelum ini memberi amaran bahawa Munshi boleh didakwa mengikut undang-undang jenayah kerana memfitnah jika dengan sengaja melemparkan tuduhan tanpa sebarang bukti yang kukuh.

Munshi berkata dokumen yang beliau maksudkan dalam kenyataan sebelum ini adalah lebih berkaitan kepada masalah dalaman PTCM dan urusan surat-menyurat antara pihaknya dengan Jabatan Perdana Menteri.

Beliau mendakwa telah menerima banyak tekanan sejak awal tahun ini untuk memastikan PTCM kukuh setelah Nor Azami cuba melemahkan kepimpinannya dan anggota lembaga yang lain dengan mempengaruhi beberapa 'pihak' termasuk beberapa kakitangan atasan kerajaan.

"Kredibiliti PTCM kini semakin dicabar kerana laporan media yang kurang tepat terutamanya akhbar berbahasa Cina mengenai penjelasan saya sebelum ini menyebabkan Dr Mahathir dan beberapa menteri lain membuat kenyataan tegas berhubung isu ini," kata Munshi.

Munshi sementara itu berkata beliau akan memberi penjelasan lanjut mengenai isu itu kepada polis yang akan mengambil kenyataan beliau di Langkawi lewat petang ini.

Munshi turut meminta maaf kepada semua pihak ekoran kenyataan-kenyataannya sebelum ini yang menurutnya telah dibuat tanpa niat untuk mengaitkan mana-mana menteri dengan PKPM.

Beliau juga meminta agar spekulasi yang mengaitkan mana-mana pihak ataupun menteri dengan pertubuhan haram itu dihentikan.

Munshi berkata beliau akan bertemu dengan Timbalan Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi minggu depan untuk menjelaskan kedudukannya dan masa depan PTCM.

"Saya bersedia untuk mengundurkan diri dari terus memimpin PTCM tetapi keputusan tidak boleh diambil dalam tempoh sehari dua kerana perlu memastikan segala kegiatan dan kedudukan kewangan berada dalam keadaan teratur untuk membolehkan kepimpinan baru dapat berfungsi tanpa sebarang halangan di masa hadapan," kata Munshi.

Sehingga semalam, 2,851 anggota PKPM telah menyerah diri kepada polis di seluruh negara setelah kegiatan kumpulan itu terbongkar dengan penangkapan Nor Azami, 35, dalam satu serbuan di Pantai Dalam, minggu lepas.

-- BERNAMA  
SAN AZZ MOZ